

SAPP tidak berganjak

BH 21/6/08 M/S 1-2

Tetap sokong usul undi tak percaya terhadap kepemimpinan PM

Oleh Veena Rusli
dan Suzianah Jiffar

KOTA KINABALU: Parti Maju Sabah (SAPP), semalam seolah-olah mencabar Barisan Nasional (BN) memecatnya apabila tidak memutuskan kedudukannya dalam gagasan itu, tetapi meneruskan tindakan menyokong usul undi tidak percaya terhadap kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Dewan Rakyat menerusi dua Ahli Parlimennya.

Presiden SAPP, Datuk Yong Teck Lee, berkata mesyuarat Majlis Ter-

“ Apa yang akan jadi kepada SAPP selepas ini bergantung kepada kepemimpinan Barisan Nasional**”**

Yong Teck Lee
Presiden SAPP

tinggi (MT) parti itu semalam secara muafakat memutuskan untuk tidak membuat ketetapan berhubung isu keluar daripada BN tetapi bersetuju supaya usul undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri dibawa.

“Kedua-dua ketetapan dicapai secara permuafakatan. Soal sama ada kami masih komponen BN, anda perlu tanya kepada pucuk pimpinan BN kerana saya hairan mengapa SAPP tidak dijemput menghadiri mesyuarat Dewan Tertinggi BN semalam (kelmarin).

“Setiausaha Agung BN (Datuk Seri Tengku Adnan Mansor) menyatakan

SAPP tidak dijemput kerana mereka mahu bincangkan isu SAPP, jadi kalau nak bincang kenapa tak panggil saya. Saya difahamkan agenda mesyuarat untuk memecat SAPP, tetapi tidak dicapai dan tak tahulah kenapa.

“Oleh itu, apa yang akan jadi kepada SAPP selepas ini bergantung kepada kepemimpinan BN,” katanya pada sidang media selepas memperkerusi mesyuarat MT SAPP di ibu pejabat parti berkenaan di Luyang.